



اَوْنُوْ سَيِّتِيْ تَيْكُونُوْ لِيْ مَبَارَا  
UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

## **GARIS PANDUAN**

# **GERAN PENYELIDIKAN STRATEGIC RESEARCH PARTNERSHIP (SRP) (TAHUN 2020)**

**Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC)  
Pejabat Timbalan Naib Canselor Penyelidikan  
dan Inovasi (TNCPI)  
Universiti Teknologi MARA  
Aras 3, Bangunan Wawasan  
40450 Shah Alam, Selangor, Malaysia  
Tel : (+603) 5544 2097/3240/8255/8259  
Faks : (+603) 5544 8280**

## SENARAI KANDUNGAN

<b>KANDUNGAN</b>	<b>M/S</b>
Falsafah, Visi Dan Misi Universiti Teknologi MARA	3
<b>Geran <i>Strategic Research Partnership</i> (SRP)</b>	
1.0 Pengenalan	4
2.0 Jumlah Peruntukan & Jangka Masa Projek	4
3.0 Syarat-Syarat Permohonan	5
4.0 Peraturan Kewangan	6
5.0 Peraturan Permohonan	6
6.0 Penilaian Geran	7
7.0 Etika Dan Kerahsiaan	7
8.0 Pemantauan Penyelidikan	7
9.0 Hasil Pencapaian Penyelidikan	8

**FALSAFAH, VISI DAN MISI  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

**FALSAFAH**

*Every individual has the ability to attain excellence through the transfer of knowledge and assimilation of moral values so as to become professional graduates capable of developing knowledge, self, society and nation*

**VISI**

*To establish UiTM as a Globally Renowned University of Science, Technology, Humanities and Entrepreneurship*

**MISI**

*To lead the development of agile, profesional bumiputeras through state-of-the-art curricula and impactful research*

# GARIS PANDUAN GERAN PENYELIDIKAN DALAMAN UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

## ***STRATEGIC RESEARCH PARTNERSHIP (SRP)***

### **1.0 PENGENALAN**

- 1.1 Geran *Strategic Research Partnership* (SRP) diwujudkan untuk memperkasakan prestasi penyelidikan UiTM melalui hubungan kerjasama luar terutama industri, institusi atau agensi kerajaan atau swasta di peringkat nasional atau antarabangsa bagi melonjakkan bilangan geran luaran UiTM dan penerbitan bersama.
- 1.2 Geran ini bertujuan untuk menerapkan budaya penyelidikan tanpa sempadan di kalangan penyelidik agar menjadi pemangkin kepada permohonan geran penyelidikan nasional dan antarabangsa yang lebih besar jumlahnya.
- 1.3 Geran SRP ini merupakan geran padanan (*Matching grant*) yang akan ditawarkan kepada penyelidik yang mempunyai hubungan kerjasama kukuh dengan industri, institusi atau agensi luaran bagi meningkatkan bilangan geran luaran UiTM, MoU/MoA, penerbitan di dalam jurnal berindeks, penghasilan produk, *Intellectual Property Right* (IPR), pengkomersilan dan sebagainya.

### **2.0 JUMLAH PERUNTUKAN & JANGKA MASA PROJEK**

- 2.1 Jumlah peruntukan dan jangka masa projek adalah seperti berikut:
  - i. Bidang Sains & Teknologi : Tidak melebihi RM50,000 bagi tempoh maksimum satu (1) tahun.
  - ii. Bidang Sains Sosial : Tidak melebihi RM20,000 bagi tempoh maksimum satu (1) tahun.
- 2.2 Bagi jumlah peruntukan dan jangkamasa projek melebihi peruntukan atau tempoh yang ditetapkan, hendaklah mendapat kelulusan rasmi dari Pejabat TNCPi.

### 3.0 SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

Geran ini terbuka kepada staf akademik UiTM dengan syarat-syarat berikut: -

- 3.1 Ketua Penyelidik mestilah merupakan staf akademik warganegara Malaysia bertaraf tetap / kontrak di UiTM.
- 3.2 Berkelayakan sekurang-kurangnya Sarjana (DM45 atau setara), namun begitu keutamaan diberikan kepada staf akademik berkelayakan PhD.
- 3.3 Staf baru yang menjadi Ketua Penyelidik mestilah aktif dalam perkhidmatan sekurang-kurangnya enam (6) bulan pada tahun semasa.
- 3.4 Staf akademik yang cuti belajar dan bercuti sabbatical (dalam dan luar negara melebihi tempoh 6 bulan) tidak dibenarkan menjadi Ketua Penyelidik dan Penyelidik Bersama.
- 3.5 Setiap projek mesti melibatkan kerjasama di antara UiTM dan sekurang-kurangnya satu (1) buah Industri/Institusi/Agensi kerajaan atau swasta di dalam atau di luar negara. Setiap projek hendaklah dibiaya secara bersama oleh kesemua rakan kerjasama.
- 3.6 Nilai pembiayaan dan kaedah transaksi pembayaran oleh setiap pihak hendaklah dinyatakan dengan jelas dalam Dokumen Perjanjian (MoA).
- 3.7 Setiap projek mesti mempunyai jumlah penyelidik minimum seramai tiga (3) orang termasuk Ketua Penyelidik. Sekurang-kurangnya satu (1) penyelidik bersama UiTM adalah warganegara Malaysia bertaraf tetap dalam bidang kepakaran yang sama dengan Ketua Penyelidik. Permohonan mestilah mempunyai keahlian yang seimbang dari segi gred jawatan.
- 3.8 Bukti hubungan kolaborasi kukuh yang telah terjalin antara penyelidik UiTM dan penyelidik di Industri/Institusi/Agensi kerjasama hendaklah dikepikan bersama permohonan, contohnya MoU.
- 3.9 Peruntukan kewangan bagi perbelanjaan projek hanya boleh digunakan oleh Ketua dan penyelidik bersama UiTM sahaja atau mengikut pembahagian peruntukan yang dinyatakan di dalam MoA.
- 3.10 Ketua Penyelidik dan penyelidik bersama UiTM mestilah menyumbang minimum RM20.00 sebulan kepada Tabung Penyelidikan Universiti (TAPIU) sepanjang tempoh geran aktif dan bukti sumbangan mesti disertakan semasa permohonan.
- 3.11 Sumbangan kepada Tabung Penyelidikan Universiti (TAPIU) dikecualikan sekiranya Ketua Penyelidik dan penyelidik bersama mempunyai projek perundingan aktif yang berdaftar dengan Pejabat TNCPi.

## 4.0 PERATURAN KEWANGAN

4.1 Perbelanjaan projek adalah dihadkan bagi vot-vot berikut:

Vot11000	Bayaran untuk Pembantu Penyelidik (RA/GRA)
Vot21000	Perjalanan, Penginapan dan Pengangkutan
Vot24000	Sewaan
Vot27000	Bekalan dan Bahan Penyelidikan
Vot28000	Baik Pulih Kecil dan Ubahsuai
Vot29000	Perkhidmatan Ikhtisas
Vot35000	Aksesori dan Peralatan

4.2 Bayaran Pembantu Penyelidik (RA/GRA) tidak melebihi RM 1,500 sebulan.

4.3 Pembantu penyelidik yang menerima biasiswa penuh (termasuk elaun sara hidup) adalah tidak layak untuk dilantik di bawah skim ini.

4.4 Permohonan pembantu penyelidik (RA) perlu dibuat melalui atas talian sistem iRMIs (<http://orchid.uitm.edu.my/irmis>).

4.5 Perjalanan ke luar negara perlu mendapat kelulusan Pejabat TNCPI dan Pejabat Naib Canselor serta tertakluk kepada peruntukan geran yang telah dipohon. Pembantu penyelidik hanya dibenarkan untuk mengikuti persidangan, seminar atau bengkel yang berkaitan dengan penyelidikan di dalam negara sahaja. Perjalanan ke luar negara mestilah juga mengikut peraturan UiTM.

4.6 Hanya Ketua Penyelidik dan penyelidik bersama sahaja yang dibenarkan bagi perjalanan ke luar negara berdasarkan kriteria berikut:

4.6.1. Perjalanan ke luar negara yang dibenarkan (sekali sahaja) adalah bagi tujuan menghadiri persidangan/seminar/bengkel/ kolokium untuk membentangkan hasil penyelidikan sahaja.

4.6.2. Destinasi perjalanan tersebut mestilah merupakan tempat yang paling sesuai dan ekonomikal dari segi kemudahan, kepakaran dan pemindahan teknologi.

## 5.0 PERATURAN PERMOHONAN

5.1 Permohonan geran perlu menggunakan borang permohonan yang boleh diperolehi di laman sesawang TNCPI (<https://tncpi.uitm.edu.my/>).

- 5.2 Permohonan hendaklah dikemukakan di dalam tempoh pembukaan geran SRP yang telah ditetapkan oleh pejabat TNCPI. Permohonan yang dikemukakan selain dari tempoh pembukaan yang ditetapkan, hendaklah mendapat kelulusan rasmi dari pejabat TNCPI.
- 5.3 Permohonan hanya boleh dibuat sekali sahaja, justeru, pemohon perlulah memastikan kertas cadangan yang dihantar untuk penilaian adalah berkualiti tinggi dan memenuhi semua syarat yang telah ditetapkan.
- 5.4 Bagi projek penyelidikan yang dibiayai oleh geran SRP dan sumber lain, penyelidik mestilah mengisytiharkan semua pembiayaan yang diperolehi bagi projek tersebut.

## **6.0 PENILAIAN GERAN**

- 6.1 Permohonan Geran SRP akan dinilai oleh panel penilai yang dilantik oleh Pejabat TNCPI.
- 6.2 Hanya permohonan yang disenarai pendek sahaja akan dijemput untuk sesi pembentangan kepada panel penilai (sekiranya perlu).
- 6.3 Kertas cadangan yang terpilih akan diluluskan oleh Mesyuarat Panel Penilaian Kertas Cadangan dan segala keputusan adalah muktamad dan tidak boleh dirayu.
- 6.4 Surat kelulusan akan dikeluarkan akan diberikan kepada Ketua Penyelidik setelah salinan dokumen perjanjian MOA yang lengkap ditandatangani diterima oleh pejabat TNCPI. Salinan surat kelulusan akan diberikan kepada penyelidik bersama dan Ketua Jabatan.
- 6.5 Ketua Penyelidik dan penyelidik bersama perlu menandatangani borang penerimaan yang telah dilengkapkan sebelum memulakan penyelidikan.

## **7.0 ETIKA DAN KERAHSIAAN**

Semua penyelidik mestilah mematuhi etika penyelidikan dan kerahsiaan data.

## **8.0 PEMANTAUAN PENYELIDIKAN**

- 8.1 Semua geran penyelidikan yang telah diluluskan akan dipantau oleh Pejabat TNCPI.
- 8.2 Penyelidik mesti menghantar laporan kemajuan pada setiap enam (6) bulan secara atas talian di dalam sistem iRMIs.

- 8.3 Kegagalan memenuhi perkara 8.2 di atas boleh menyebabkan geran penyelidikan ditamatkan serta merta.
- 8.4 Pihak Pejabat TNCPI akan menghantar surat pengesahan tamat penyelidikan selepas sahaja menerima laporan akhir daripada pihak penyelidik.
- 8.5 Semua perkara di atas adalah tertakluk kepada Garis Panduan Pengurusan Penyelidikan Pejabat TNCPI.
- 8.6 Ketua Penyelidik perlu memajukan laporan akhir penyelidikan kepada RMC dalam bentuk salinan keras (*hardcopy*) dan salinan lembut (*softcopy*) dalam tempoh tiga (3) bulan selepas tarikh tamat projek atau tarikh ditamatkan projek.
- 8.7 Pelanjutan tempoh penyelidikan bagi geran ini adalah tidak dibenarkan.

## 9.0 HASIL PENCAPAIAN PENYELIDIKAN

- 9.1 Sekurang-kurangnya satu (1) Penerbitan dengan afiliasi bersama industri, institusi atau agensi luar di dalam jurnal berindeks Scopus atau WoS.
- 9.2 Sekurang-kurangnya satu (1) dokumen hubungan kolaborasi seperti berikut:
  - 9.2.1 Penghantaran permohonan Geran Penyelidikan Nasional atau Antarabangsa, atau
  - 9.2.2 Pendaftaran sekurang-kurangnya seorang pelajar sarjana atau Kedoktoran di UiTM mengikut bidang penyelidikan kolaborasi bersama, atau
  - 9.2.3 Penghantaran permohonan *Intellectual Property Right (IPR)*, atau
  - 9.2.4 Hasil kolaborasi berimpak lain-lain (contoh: latihan sangkutan industri, tindakan penyelidik, penceramah jemputan, penyelidik jemputan, editor dan lain-lain)
- 9.3 Penghargaan kepada geran *Strategic Research Partnership (SRP)* mestilah dinyatakan dengan jelas dalam setiap penerbitan